

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SU KEONG SIONG  
[ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 10 OGOS 2017**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timur ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan status terkini berkenaan Cukai Pelancongan yang telah dilaksanakan baru-baru ini. Apakah kesan negatif akibat pelaksanaan cukai tersebut.**

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan tarikh kuatkuasa Cukai Pelancongan mulai 1 September 2017 dan pengendali premis penginapan perlu berdaftar secara online di portal Cukai Pelancongan yang beralamat di [www.myttx.customs.gov.my](http://www.myttx.customs.gov.my) bermula 8 Ogos 2017. Sesi *public engagement* bersama pengusaha premis penginapan akan diadakan oleh JKDM (Jabatan Kastam Diraja Malaysia) bermula 10 Ogos 2017.

Dari segi kesan pelaksanaan Cukai Pelancongan ini, Kementerian ini yakin cukai yang bakal dilaksanakan tidak akan memberi kesan yang besar ke atas ketibaan pelancong antarabangsa memandangkan kadar tukaran Ringgit Malaysia yang lebih rendah berbanding kebanyakan pasaran luar seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Singapura. Tambahan pula, cukai pelancongan dikira mengikut jumlah malam menginap serta jumlah bilik yang digunakan dan bukan dikenakan mengikut jumlah individu yang menginap. Secara perbandingan, kadar harga bilik untuk hotel-hotel di Malaysia adalah jauh lebih murah berbanding di negara jiran seperti Indonesia dan Singapura. Setelah mengambil kira kadar Cukai Pelancongan, kadar harga hotel-hotel di Malaysia masih berpatutan.

Tambahan lagi, pelaksanaan Cukai Pelancongan oleh negara-negara maju seperti Singapura (1973), Amerika Syarikat (1987),

Thailand (1992), Jepun (2002), Belanda (2010) dan Itali (2012), telah membuktikan bagi tempoh jangka panjang ianya memberikan perkembangan positif terhadap sektor pelancongan di mana ketibaan pelancong asing ke negara-negara tersebut telah meningkat pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 seperti berikut:

Negara	2014		2015	
	"World Ranking"	Jumlah Ketibaan Pelancong Asing	"World Ranking"	Jumlah Ketibaan Pelancong Asing
Amerika Syarikat	2	75 juta	2	77.5 juta
Itali	5	48.6 juta	5	50.7 juta
Thailand	14	24.8 juta	10	29.9 juta
Jepun	22	13.4 juta	16	19.7 juta
Belanda	21	13.9 juta	20	15.0 juta
Singapura	27	11.9 juta	28	12.0 juta

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Cukai Pelancongan tidak akan memberi impak yang besar kepada rakyat Malaysia kerana Kerajaan bercadang untuk mengecualikan Cukai Pelancongan terhadap pelancong domestik yang menetap di semua jenis premis penginapan. Ini juga adalah merupakan salah satu usaha untuk merancakkan lagi pelancongan domestik.

Kementerian ini yakin dengan pelaksanaan Cukai Pelancongan ini, sektor pelancongan dan kebudayaan negara akan terus berkembang dan berupaya untuk menjadi sumber utama pendapatan negara dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Pelaksanaan Cukai Pelancongan sememangnya amat tepat dan kena pada masanya dalam mencapai wawasan negara maju berpendapatan tinggi.

Sekian, terima kasih